

# UPM terima 3,594 pelajar, perkenal jurusan baharu kaunseling



AINI (berdiri, empat dari kiri) beramah mesra dengan beberapa pelajar baharu UPM yang mendaftar bagi sesi 2018/2019 di UPM, Serdang semalam.

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam menerima 3,594 pelajar baharu program Ijazah Sarjana Muda bagi sesi akademik 2018/2019.

Mereka terdiri daripada 1,090 penuntut lelaki dan 2,504 wanita termasuk 288 pelajar antarabangsa dari negara Singapura, Thailand, Indonesia, Korea, China, India, Pakistan, Bangladesh, Jepun, Filipina, Kanada, Arab Saudi, Emirates Arab Bersatu, Kuwait, Sri Lanka, United Kingdom, Rusia dan Itali.

Pada kemasukan kali ini, jumlah mahasiswa menyaksikan penambahan empat peratus atau 150 pelajar berbanding tahun lalu.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Aini Ideris berkata, jumlah pelajar semakin meningkat ekoran satu program baharu yang ditawarkan di samping tambahan unjuran program yang mempunyai permintaan tinggi seperti kejuruteraan dan sains kesihatan.

"Pada kali ini juga, UPM berbesar hati memperkenalkan satu jurusan baharu iaitu Ijazah Sarjana

Muda Kaunseling dengan kemasukan 20 pelajar baharu.

"Kita juga mengalu-alukan kehadiran dua atlet yang mewakili negara pada Sukan Asia 2018 dalam sukan ragbi iaitu Muhammad Azwan Zuwairi Mat Zizi (Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani) manakala atlet taekwondo, Rozaimi Rozali mendaftar untuk

Ijazah Sarjana Muda Komunikasi," katanya pada sidang akhbar sempena Minggu Perkasa Putra Sesi 2018/2019 UPM di sini semalam.

Dalam pada itu, Aini berkata, para pelajar UPM baharu akan menggunakan kad maya sebagai identiti pengenalan kepada pelajar baharu bagi menggantikan penggunaan kad pelajar sedia ada.

"Mereka antara lain akan menggunakan aplikasi telefon pintar yang dikenali sebagai PUTRA® Virtual ID (PUTRA®VID) untuk menguruskan pengenalan diri semasa berinteraksi dengan semua kemudahan kampus," katanya.



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERSEKUTUAN BERTAMBAH NILAI